

Sabtu, 28 March 2020 | 6:20pm



DATUK Rosol Wahid. - Foto Aizuddin Saad

Ambil tindakan pada peniaga 'cekik darah' naikkan harga

Oleh Baharom Bakar
bhnews@bh.com.my

KUALA TERENGGANU: Kerajaan baru mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) semalam, tetapi sudah ada peniaga mengambil kesempatan menaikkan harga barangan.

Sehubungan itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengaktifkan operasi bagi mengambil tindakan ke atas peniaga 'cekik darah' terutama menaikkan harga barangan.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid mengakui pihaknya ada menerima aduan mengenai kenaikan harga barangan di beberapa daerah di Kedah, hari ini.

Tegasnya, walaupun aduan itu berlaku di Kedah, semua pegawai dan anggota penguatkuasa seluruh negara diarah mengadakan operasi dan mengambil tindakan terhadap peniaga 'cekik darah' yang menaikkan harga barangan sewenang-wenangnya.

"Kita sudah arahkan pegawai dan anggota penguat kuasa di Kedah menyiasat sama ada kenaikan harga barangan itu ada kaitan dengan pengumuman PRIHATIN oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, semalam.," katanya.

Rosol yang juga Ahli Parlimen Hulu Terengganu berkata, pegawai dan anggota penguatkuasa KPDNHEP mempunyai kaedah tertentu untuk mengesan peniaga menaikkan harga barangan termasuk melalui penyamaran.

Jelasnya, KPDNHEP akan memastikan tiada seorang pun peniaga mengambil kesempatan menaikkan harga barangan berikutan pelaksanaan PRIHATIN bulan depan.

"Peniaga yang menaikkan harga barangan akan dikenakan tindakan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Akta Kawalan Harga Anti Pencatutan 2011," katanya.

Rosol berkata, masyarakat yang mempunyai maklumat mengenai peniaga menaikkan harga barangan diminta menyalurkan maklumat melalui talian hotline 1-800-886-800 atau di semua pejabat KPDNHEP berhampiran.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/670431/ambil-tindakan-pada-peniaga-cekik-darah-naikkan-harga>

